

*PROGRAM SEKOLAH KE KERJAYA (SKK):
KONSEP DAN MODEL PELAKSANAANNYA
DI SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA*

OLEH:

*YAHYA BIN BUNTAT
JABATAN PENDIDIKAN TEKNIKAL & VOKASIONAL
FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA SKUDAI*

Di sekolah-sekolah menengah di negara kita, selain daripada program pembelajaran di bilik darjah yang sering dilaksanakan oleh guru-guru di sekolah, terdapat satu lagi program yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dikenali sebagai Program Sekolah Ke Kerjaya (SKK). Program ini telah diperkenalkan pada tahun 1998 di 25 buah sekolah di seluruh negara. Seramai 495 pelajar Tingkatan 4 yang berprestasi rendah dari segi akademik telah mengikuti program ini. Kumpulan pelajar tersebut telah meneruskan projek ini hingga ke Tingkatan 5 pada tahun 1999. Kumpulan pelajar tersebut telah menduduki SPM 1999 dan mereka telah pun meninggalkan alam persekolahan.

Konsep Program SKK

SKK ialah satu program pendidikan dan latihan tempat kerja bagi mengembangkan potensi pelajar dengan membekalkan mereka pengetahuan dan kemahiran berguna melalui pengalaman tempat kerja. Program SKK mengandungi dua komponen iaitu:

- i) Pengajaran dan pembelajaran menggunakan sukatan pelajaran yang minimum, dan

- ii) Latihan di tempat kerja untuk mendapat kemahiran boleh guna melalui pengalaman tempat kerja.

Objektif program SKK adalah seperti berikut:

- i) untuk membolehkan pelajar mengikuti panduan pengajaran dan pembelajaran setaraf dengan kebolehan dan keupayaan mereka dari segi akademik
- ii) untuk mengembangkan potensi dan kemahiran boleh guna pelajar dengan melalui pengalaman tempat kerja, dan
- iii) untuk memanfaatkan masa di peringkat sekolah menengah terutama bagi mereka yang berprestasi rendah dari segi akademik.

Sukatan Pelajaran Minimum

Sukatan minimum mengandungi beberapa topik terpilih mata pelajaran teras dan elektif

Tingkatan 4 dan 5. Objektif sukatan pelajaran minimum ialah:

- i) membantu pelajar yang berprestasi rendah menguasai topik yang dipilih, dan
- ii) membantu guru bagi membimbing pelajar untuk mencapai kelulusan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bagi mencapai objektif-objektif tersebut di atas, sukatan pelajaran yang di minimum bagi mata-mata pelajaran berikut telah disediakan untuk kegunaan sekolah. Sukatan pelajaran minimum ini mengandungi topik-topik terpilih yang dijangka dapat membantu pelajar bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM.

Mata Pelajaran Teras

Bahasa Melayu
Bahasa Inggeris
Sains
Matematik
Sejarah

Mata Pelajaran Elektif

Ekonomi Asas
Kesusasteraan Melayu
Geografi

Latihan Tempat Kerja (LTK)

Latihan di tempat kerja bertujuan memberi peluang kepada pelajar menimba pengalaman latihan di tempat kerja. Pelajar boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di sekolah semasa berada di tempat latihan. Objektif latihan di tempat kerja adalah untuk:

- i) memberi peluang kepada pelajar memperoleh kemahiran tertentu di tempat latihan,
- ii) membolehkan pelajar memilih kerjaya yang sesuai mengikut minat dan kebolehan, dan
- iii) mengembangkan potensi pelajar dan meningkatkan keyakinan diri.

Model-Model Latihan Di Tempat Kerja (LTK)

Terdapat 3 model LTK yang dilaksanakan oleh pihak sekolah.

Model A: Latihan di Agensi Kerajaan dan Swasta

Dalam model A, pelajar dikehendaki menjalani latihan di pusat latihan agensi kerajaan atau pun di tempat kerja swasta dalam tempoh masa tertentu. Proses pengajaran dan pembelajaran dan LTK dilaksanakan secara berselang-seli atau berterusan untuk

beberapa minggu.

Model B: Latihan Berasaskan Sekolah

Di bawah model ini, pelajar diberi pendedahan kemahiran bekerja di sekolah dengan ditempatkan seperti di koperasi sekolah, kantin atau pun menjalani latihan kemahiran di bengkel sekolah. Latihan kemahiran diberikan dengan menggunakan kemudahan dan tenaga yang ada di sekolah. Tunjuk ajar diberikan oleh guru, staf sokongan dan komuniti yang berkemahiran tertentu seperti jahitan, pendawaian, memasak, gunting rambut, semaian anak pokok dan lain-lain. Pengajaran dan pembelajaran serta latihan kemahiran berjalan semasa waktu persekolahan.

Model C: Gabungan Latihan Berasaskan Sekolah dan Di Agensi

Dalam model C, sebahagian pelajar menjalani latihan kemahiran di sekolah dan pada masa yang sama sebahagian pelajar yang lain menjalani latihan kemahiran di agensi luar. Proses pengajaran dan pembelajaran serta latihan kemahiran di laksanakan secara berselang-seli atau berterusan untuk beberapa minggu.

Bidang Latihan Kemahiran

Beberapa bidang kemahiran boleh guna/pengalaman tempat kerja telah dikenalpasti bagi pelajar-pelajar menjalani latihan tempat kerja. Bidang-bidang yang dicadangkan ialah:

Bil	Bidang Kemahiran	Contoh
1.	Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • perkhidmatan perhotelan • katering dan rangkaian makanan segera • jurulatih/latihan berkaitan dengan komputer • pemandu pelancong/tiketing • gedung perniagaan/supermarket • cuci kereta, dan lain-lain
2.	Pertanian/Perikanan	<ul style="list-style-type: none"> • Ternakan ikan air tawar • Hidroponik • Menanam cendawan, taugoh, sayuran dan lain-lain
3.	Industri Pemakanan	<ul style="list-style-type: none"> • bakeri dan pastry • konfeksionari • perusahaan kuih muih • makanan ringan dan lain-lain
4.	Industri Binaan	<ul style="list-style-type: none"> • mengikat batu bata • mengecat • plaster dinding dan lain-lain
5.	Pertukangan	<ul style="list-style-type: none"> • perabut kayu/rotan • jahitan • pendandan rambut/tukang gunting rambut • mekanik basikal/kereta dan lain-lain
6.	Kraftangan	<ul style="list-style-type: none"> • perusahaan batik • ukiran • perusahaan tembikar dan lain-lain

Agihan Masa

Nisbah pembahagian waktu antara pengajaran dan pembelajaran dengan latihan tempat kerja adalah 60:40 daripada minggu persekolahan dalam setahun bergantung kepada keadaan sekolah dan juga persetujuan pemberi latihan.

